

Index
No.

					-	
--	--	--	--	--	---	--

BMS3EN/2AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH**SECONDARY 3 EXP/NA**
SPECIMEN PAPER 2**BAHASA MELAYU**
(KERTAS 2)**MALAY**
(PAPER 2)

Additional Materials: Answer Booklet

Total Time: 1 h 30 min

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Write your Index No. in the boxes at the top right hand corner.
2. Do not turn over this page until you are told to do so.
3. Follow all instructions carefully.
4. Answer all questions.
5. Write your answers in the spaces provided.



This question paper consists of 12 printed pages.

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Sokongan ibu bapa memainkan peranan yang amat besar dalam pembangunan kanak-kanak sindrom Down. Para pelajar yang (1) hidap sindrom Down didapati menunjukkan potensi menggalakkan di sebuah sekolah aliran biasa, apabila usaha mendidik (2) lengkap dengan sokongan di rumah.

Walau bagaimanapun, mewujudkan masyarakat inklusif dan bertoleransi kekal sebagai satu (3) cabar yang perlu diatasi. Menurut salah seorang guru pendidikan khas di sekolah sekular, mendorong masyarakat supaya (4) terima dan memberi sokongan kepada kanak-kanak sindrom Down tetap menjadi kesukaran terbesar.

Para guru juga menghadapi cabaran membantu kanak-kanak sindrom Down (5) sesuai diri dengan keadaan sekitaran sekolah aliran biasa. Oleh itu, para ibu bapa perlulah bersikap sabar dan terus mendampingi anak-anak mereka di rumah supaya mereka tidak tertekan kerana mempunyai sumber sandaran.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) baik membawa resmi ayam betina
- (B) besar kapal, besarlah gelombangnya
- (C) air yang dingin juga dapat memadamkan api
- (D) jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya
- (E) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh dapat sagunya
- (F) belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang
- (G) berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul
- (H) kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga
- (I) kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya
- (J) laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Alisha ialah anak bongsu kepada Encik Karim dan Puan Salbiah. Sejak kecil lagi, Alisha memang sangat cerdik dan rajin laksana ____ (6) _____. Setiap tahun, dia akan dinobatkan sebagai pelajar terpinar di sekolahnya. Namun, kepintarannya tidak datang bergolek. Alisha sedar bahawa dia harus berusaha dengan gigih agar apa yang dicitakannya berjaya digenggam. Maklumlah, ____ (7) _____. Disebabkan sifatnya yang rajin itu, Alisha telah dipilih sebagai ketua pengawas di sekolahnya. Meskipun begitu, ibu bapanya selalu menasihatinya agar merendahkan diri kerana dia tidak akan hilang martabatnya sebagai ketua pengawas walaupun dengan merendahkan diri. Memang benar kata orang bahawa ____ (8) _____. Pada suatu hari, Alisha telah pergi ke bilik pengetua kerana dia ingin mengadu tentang sistem sekolah yang patut dibaiki. Alangkah terperanjatnya Alisha apabila pengetua sangat marah lalu menengkingnya. Dengan pantas, Alisha meminta maaf kerana dia sedar bahawa ____ (9) _____. Setelah itu, dia segera meninggalkan bilik pengetua. Pada hari itu, Alisha menyedari bahawa jika ilmunya sedikit, dia tidak patut melawan seseorang yang lebih berpengetahuan berbandingnya. Pada ketika itu, dia teringat kata-kata ibu bapanya bahawa ____ (10) _____. Alisha telah mempelajari sesuatu yang sangat penting pada hari itu.

6. () 7. () 8. () 9. () 10. ()

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

baharu	mampu	seumpama
bakal	mempertingkat	telah
baru	menyekat	

Jumlah orang memerlukan yang memohon dan menerima bantuan guaman berhubung kes jenayah naik hampir 3 kali ganda pada tahun 2018, berbanding pada 2014. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, hanya 18 penerima bantuan _____ (11) _____ dibebaskan daripada segala tuduhan.

Dengan meningkatnya jumlah pemohon bantuan, persatuan guaman sedang mengkaji bagaimana untuk _____ (12) _____ akses kepada khidmat guaman bagi mereka yang memerlukan. Ini termasuk mengetatkan prosedur permohonan, dan memperkenalkan skim-skim _____ (13) _____.

Golongan yang kurang upaya tidak _____ (14) _____ untuk membayar khidmat peguam. Ini kerana ia amat mahal dan sekiranya mereka kalah, semua wang yang dikeluarkan akan hilang begitu sahaja. Oleh demikian, bantuan _____ (15) _____ itu merupakan satu pemberian yang tidak ternilai bagi mereka. Apabila nama mereka dibersihkan daripada segala tuduhan jenayah, barulah mereka boleh mengubah masa depan, tidak disekat daripada mendapatkan pekerjaan, dan selanjutnya keluar daripada lingkaran kemiskinan.

11. _____

12. _____

13. _____

14. _____

15. _____

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

Tips Jagaan Kaki

Penjagaan kaki amat penting terutamanya bagi para pesakit kencing manis.

Kebersihan

- Cuci kaki kamu dengan sabun yang tidak begitu kuat serta air suam dan keringkannya dengan betul.
- Sapu krim pelembap setiap hari untuk mencegah kulit daripada kering dan merekah. Jangan letak krim pelembap di celah-celah jari.
- Potong kuku setiap minggu tetapi jangan terlalu pendek.
- Gunakan pengasah kuku untuk melicinkan hujung-hujung kuku yang tajam.

Pemeriksaan

- Periksa kaki kamu setiap hari, terutamanya di celah-celah jari, tumit dan telapak kaki.
- Pastikan tiada luka-luka, kemerah-merahan, lecetan atau pendarahan. Dapatkan bantuan atau guna cermin ketika memeriksa bahagian tumit.

Kasut

- Jangan sesekali berkaki ayam meskipun di rumah. Periksa sama ada terdapat serpihan batu atau objek-objek tajam.
- Kasut harus selesa dan tidak terlalu ketat.
- Elakkan menggunakan selipar atau selipar urut.

Senaman

- Lakukan senaman-senaman mudah setiap hari dengan memutar-mutarkan pergelangan kaki dari kiri ke kanan, atas ke bawah.

Bagi pesakit kencing manis

- Kawal paras gula dalam darah dan hadiri pemeriksaan kaki setahun sekali.
- Adalah lebih baik sekiranya pesakit kencing manis elakkan daripada akupunktur, mesin urut dan refleksologi kaki.



Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Untuk mengelakkan kekeringan kulit, kita patut _____.
(A) mencuci kaki dengan air suam
(B) memotong kuku setiap minggu
(C) menyapu krim pelembap setiap hari
(D) menyapu krim pelembap di celah jari ()
17. Berkaitan pemilihan kasut, seorang penghidap kencing manis itu haruslah _____.
(A) menggunakan selipar
(B) menggunakan seliparurut
(C) memilih kasut yang tidak terlalu ketat
(D) membiasakan diri berkaki ayam sekali-sekala ()
18. Para pesakit kencing manis dinasihati agar _____.
(A) mengawal paras garam dalam darah
(B) melakukan refleksologi kaki setahun sekali
(C) menghadiri pemeriksaan kaki sebulan sekali
(D) mengelakkan daripada menggunakan mesinurut ()

Petikan 2



Kejar impian anda dan terima sehingga S\$150 BaucarKapita apabila anda berbelanja

Dapatkan ganjaran untuk pembelian besar anda yang seterusnya, tidak kira sama ada untuk mengejar impian anda mahupun melancong ke destinasi impian.

Dapatkan BaucarKapita dengan setiap urusan jual beli

Terima  S\$60 BaucarKapita dengan pembelian lebih daripada S\$5,000 dalam satu urusan niaga	ATAU	Terima  S\$150 BaucarKapita dengan pembelian lebih daripada S\$10,000 dalam satu urusan niaga
---	------	--

Tawaran sah dari sekarang hingga 30 April 2019. Bayaran menerusi kaedah BayarKecil, atau ansuran 6, 12, 18, 24 bulan dikecualikan daripada promosi ini. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19. Untuk mendapat baucar yang bernilai \$150, seseorang itu harus _____.

- (A) membelanjakan hampir \$5,000 dalam urus niaga yang sama
- (B) membelanjakan hampir \$10,000 dalam urus niaga yang sama
- (C) membelanjakan sekurang-kurangnya \$5,000 dalam urus niaga yang sama
- (D) membelanjakan sekurang-kurangnya \$10,000 dalam urus niaga yang sama

()

20. Kesemua pernyataan yang berikut adalah tepat **kecuali** _____.

- (A) promosi ini bebas daripada syarat dan terma
- (B) bayaran ansuran 3 bulan masih boleh diterima dalam promosi ini
- (C) perbelanjaan selepas 30 April 2019 tidak akan diterima dalam promosi ini
- (D) bayaran menerusi kaedah BayarKecil tidak akan diambil kira dalam promosi ini

()

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Selama 10 tahun sejak aku dilahirkan di Indonesia, aku dan kakak terpaksa berkongsi bilik sementara kedua-dua abangku mempunyai bilik mereka sendiri. Aku dan kakak tahu di lubuk hati kami bahawa kewujudan kami tidak pernah **diiktiraf** oleh keluarga. Malah, aku dianggap sebagai sumber malapetaka kerana ibu kami meninggal dunia semasa melahirkan aku.

Aku menganggap kakak sebagai seorang ibu. Dialah yang paling banyak memberikan perhatian terhadap apa sahaja yang aku lakukan. Yang penting sekali, dia ambil tahu tentang pelajaranku dan akan memeriksa kerja rumah aku setiap malam. Setiap kali aku menerima buku laporan, kakak akan menyimpannya dalam almari dan memakai kunci almari itu sebagai rantai leher, seperti gred pelajaran aku itu intan permata yang tiada pengganti. Dia juga menggalakkan aku supaya membaca dan lama-kelamaan, aku mula tumbuh minat dalam penulisan. Aku sering mengarang cerita tentang pendekar dalam satu buku nota khas dan akan membawanya ke sekolah. Aku berasa seronok dapat berkongsi ceritaku dengan kawan-kawan dan melihat mereka gelak tertawa.

Apabila umurku mencecah 13 tahun, abah memberitahu aku bahawa aku akan berhenti sekolah pada usia 17 tahun untuk mencari pekerjaan kerana dia tidak mahu terus membiaya yuran sekolah. Aku cuba melawan kehendaknya tetapi apakan daya, usahaku hanya sia-sia. Suatu ketika apabila aku pulang dari asrama, seluruh keluarga telah berkumpul untuk makan malam bersama. Setelah itu, datuk terlepas cakap, mengatakan abah tidak berhati perut. Abah telah **berhujah** bahawa anak perempuan tidak seharusnya belajar terlalu tinggi kerana ia akan menghapuskan peluang untuk mendapatkan pasangan. Menurutny, tiada lelaki yang **waras** akan mahu berkahwin dengan seorang gadis lepasan universiti.

Aku menjadi gementar teringat bagaimana kakak tidak berpeluang menyelesaikan pendidikan di sekolah menengah dan dipaksa untuk berkahwin dengan jodoh pilihan abah semasa berusia 17 tahun. Bagaikan sudah suratan takdir, sebuah peraduan menulis dianjurkan tepat pada masanya. Setelah lama berfikir, aku memutuskan untuk menghantar penyertaan untuk peraduan tersebut beberapa bulan lalu namun aku tidak sangka namaku diterbitkan dalam surat khabar sebagai pemenang tempat pertama. Kemenangan itu telah meyakinkan abah supaya menghantar aku ke Amerika Syarikat untuk pengajian tinggi.

Beberapa tahun kemudian, di Amerika, sementara menunggu kuliah sekolah perubatan untuk bermula, aku memohon untuk tugas separuh masa sebagai kerani di sebuah syarikat kecil. Menerusi panggilan telefon, pengurus syarikat itu memberikan arah ke pejabat dan bertanya sama ada aku bersedia untuk mula bekerja pada hari itu. Namun setelah mendapat tahu aku orang Melayu, sikapnya berubah. Dia langsung elakkan pandangan mata dan memberitahu aku bahawa jawatan kosong itu telah pun dipenuhi. Aku dapat rasakan bahawa pengurus itu seorang yang baik kerana meskipun dia berulang kali cuba berbohong, aku dapat rasakan perasaan malu dalam dirinya. Sungguhpun begitu, aku tidak patah semangat meskipun telah ditolak daripada bekerja di syarikat

itu kerana aku yakin aku pasti boleh mendapatkan pekerjaan yang serupa di tempat lain.

Sepanjang aku menuntut di Amerika, jauh di lubuk hatiku, aku tidak boleh terus **menetap** di sana kerana aku pasti tidak akan diberikan peluang serupa rakan-rakan Amerikaku yang lain. Selepas menamatkan pengajian di sekolah perubatan, aku kembali ke Indonesia. Di sana, aku pasti akan berjaya mendapatkan masa depan yang cerah. Aku bukan membawa diri tetapi aku seperti kata orang tua, hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri.

40

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

21. Apakah bukti bahawa penulis dan adik-beradiknya mendapat layanan yang tidak adil? (3 markah)

22. Mengapakah penulis menulis cerita dan membawanya ke sekolah? (3 markah)

23. Semua kaum lelaki di dalam keluarga penulis tidak adil terhadap kaum wanita. Setujukah kamu? Berikan satu bukti. (3 atau 5 markah*)

24. Bagaimanakah penulis tahu bahawa pengurus di syarikat yang dikunjungi penulis sedang menipu? (3 atau 5 markah*)

25. Penulis merupakan seseorang yang bijak membuat keputusan. Berikan dua bukti. (5 markah)

26. Meskipun dunia sudah moden, ayah penulis masih bersikap kuno. Berikan **dua** bukti.
(5 markah)

Arahan: Bagi soalan 27 hingga 30*, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27. diiktiraf (baris 3) (2 markah)

28. berhujah (baris 18) (2 markah)

29. waras* (baris 20) (2 markah / tidak perlu jawab*)

30. menetap* (baris 38) (2 markah / tidak perlu jawab*)

SELESAI